

UMSKAL Deepavali Night 2024 tonjol budaya kaum India

UB 22.10.2024 P.03

LABUAN: Program Deepavali Night 2024 memberi ruang kepada pelajar mengenali dan memahami serta mengenali adat, adab dan budaya masyarakat India.

Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antara bangsa Labuan (UMSKAL) Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid, berkata program berkenaan juga merapatkan hubungan sedia terjalin antara mereka.

Malah, katanya, pelajar berpeluang mengenali pakaian dan menikmati makanan tradisional masyarakat India yang serba unik dan menarik.

"Program UMSKAL Deepavali Night 2024 membuktikan kemampuan dan bakat pelajar berbilang kaum menonjolkan nyanyian dan tarian masyarakat India.

"Inilah masa yang sesuai untuk pelajar mengenali budaya mereka," katanya merasmikan Program UMSKAL Deepavali Night 2024 malam kelmarin.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran mantan Pengerusi Kongres India Malaysia Labuan, Datuk Ramasamy Rengasamy, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal, Penyelaras Pro-

gram Deepavali Night 2024, Dr. Anath Rau Krishnan dan Pengarah Program, Har Sarazir A/L Har Mahadzir.

Sehubungan itu, Dr. Mohamad Rizal mengucapkan syabas kepada Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar (SMPP) dan Kelab Sekretariat Kesenian, Kerohanian Dan Warisan India Malaysia (SEKWIM) yang berterusan memelihara dan mempromosikan warisan budaya masyarakat India.

"Program itu menonjolkan seni tradisional, amalan kerohanian dan nilai budaya selain makanan dan pakaian yang unik serta menarik," katanya.

Beliau berkata penglibatan pelajar dalam menggerakkan program dan aktiviti kemahasiswaan adalah salah satu cara mendidik mahasiswa ke arah keseimbangan antara akademik dan bukan akademik seperti keterampilan dan sahsiah diri pelajar berkenaan.

"Sememangnya kita berbangga dengan keunikan yang ditonjolkan melalui penganjuran program perayaan seperti program Deepavali Night ini.

"Ia mampu menarik minat mahasiswa tidak kira agama, kaum dalam mengenali budaya, perayaan



RASMI: Dr. Mohamad Rizal (tiga kanan) bersama Datuk Ramasamy, Dr. Geoffrey (duakanan), Dr. Anath (kanan) dan Har Sarazir (dua kiri) merasmikan UMSKAL Deepavali Night 2024.



MERIAH: Pelajar pelbagai kaum turut memeriahkan Program Deepavali Night 2024.

sesuatu kaum dan bangsa melalui pelbagai aktiviti," katanya.

Antara aktiviti dijalankan

dalam tempoh program itu adalah 'Mahendi Tutorial', 'Make Up Tutorial' dan acara pameran.



BERTUAH: Pengarah Program, Har Sarazir (tiga kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuaht.



BERBAKAT: Pelajar mempersembahkan bakat dalam persembahan tarian.